



PEMACU INTELEK

Program	Sidang Meja Bulat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) Bersama Pakar Ekonomi Mengenai Isu Rasionalisasi Subsidi
Tarikh	12 Julai 2024 (Jumaat)
Masa	3:00 PM - 5:00 PM
Lokasi	Rumah MASA

ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Aturcara Program
3. Laporan Program
4. Biodata Pakar Bidang
5. Senarai Kehadiran
6. Gambar Semasa Program
7. Hebahan Media Sosial

1. INFORMASI PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Tajuk Program	Sidang Meja Bulat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) Bersama Pakar Ekonomi Mengenai Isu Rasionalisasi Subsidi
Pengenalan	<p>Subsidi merupakan satu instrumen yang digunakan oleh Kerajaan dalam usaha memastikan barangan dan perkhidmatan tertentu dijual pada harga yang berpatutan. Namun, beban kewangan Kerajaan telah meningkat dengan ketara selama bertahun-tahun, yang memberi kesan besar terhadap bajet negara. Sejak 2015 sehingga 2023, jumlah subsidi dan bantuan sosial yang ditanggung Kerajaan adalah sebanyak RM294.5 bilion atau 10.9 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan bagi tempoh yang sama. Pada pembentangan Belanjawan 2024, Malaysia diunjurkan menampung perbelanjaan subsidi mencecah RM81 bilion.</p> <p>Perdana Menteri Kesepuluh telah menggariskan tiga masalah fiskal yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan: (i) asas hasil yang kecil; (ii) perbelanjaan yang tidak berhemat; dan (iii) bebanan hutang negara yang tinggi. Justeru, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penyasaran subsidi, termasuk subsidi elektrik, ayam dan telur, serta diesel.</p>

1. INFORMASI PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan	<p>Terkini, Kerajaan pada 21 Mei 2024 mengumumkan pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel di Semenanjung Malaysia. Tindakan ini dijangka memberi penjimatan sebanyak RM4 bilion kepada Kerajaan. Langkah ini mendapat reaksi pelbagai, khususnya oleh golongan yang terjejas seperti peniaga perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pengusaha sektor pelancongan dan petani. Ini kerana, mereka perlu mengurangkan pengeluaran untuk mengurangkan kos operasi yang semakin tinggi.</p> <p>Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Md Yassin menyatakan kenaikan harga diesel secara mendadak ini akan mengakibatkan kejutan ekonomi yang akan merebak ke seluruh pelosok negara dan menyebabkan kesan gandaan (multiplier effect) kepada sektor ekonomi dan sosial yang lain. Beban ini jika ditaksir mungkin kosnya kepada rakyat adalah jauh lebih besar daripada RM4 bilion yang dapat dijitamkan daripada penyasaran subsidi ini.</p> <p>Adalah kritikal bagi kerajaan untuk terus memantau dan menilai kesan-kesan ekonomi dan sosial yang timbul, serta mengambil tindakan yang wajar untuk mengurangkan impak negatif kepada rakyat. Kerajaan perlu memastikan bahawa penyasaran subsidi ini dilaksanakan dengan telus dan berkesan, sekaligus mencari langkah penyelesaian yang mampan untuk memperkukuh asas hasil negara dan mengurus perbelanjaan dengan lebih berhemat bagi memastikan tiada golongan yang ketinggalan.</p>

1. INFORMASI PROGRAM (III)

PERKARA	PERINCIAN
Objektif program	Objektif utama sidang meja bulat ini adalah untuk: <ol style="list-style-type: none">I. Untuk mengumpulkan pakar bidang bagi mengupas isu-isu berkaitan rasionalisasi subsidi secara kritikal;II. Untuk mengenal pasti implikasi rasionalisasi subsidi kepada golongan yang terjejas; danIII. Untuk mewujudkan platform untuk pertukaran idea dan pendapat dalam kalangan ahli pakar.
Platform	Fizikal
Tarikh	12 Julai 2024 (Jumaat)
Masa	3:00 PM - 5:00 PM
Lokasi	Rumah MASA

2. ATURCARA PROGRAM

MASA	ATURCARA
2:30 PM	Ketibaan pakar bidang jemputan
2:50 PM	Ketibaan YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Pengerusi Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
2:55 PM	Sesi bergambar
3:00 PM	Kata alu-aluan oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
3:10 PM	Sesi pembentangan dan perbincangan
5:00 PM	Minum petang dan bersurai

3. LAPORAN PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Laporan Program	<p>Pada 12 Julai 2024, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) telah menganjurkan Sidang Meja Bulat (RTD) bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan mengenai isu rasionalisasi subsidi yang semakin memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.</p> <p>Pengerusi MASA, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin turut meluangkan masa hadir bagi mendengar sendiri pandangan dan analisis daripada pakar bidang berkaitan. Antara pakar yang hadir pada sesi tersebut adalah YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya, YBhg. Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah, Pengarah Eksekutif, Asia-Europe Institute, Universiti Malaya, YBrs. Profesor Dr. Gairuzazmi Mat Ghani, Dekan Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, IIUM, YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid, Felo MASA, YBrs. Dr. Shankaran Nambiar, Felo MASA, YBrs. Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya, YBrs. Encik Erhanfadli Mohd Azrai, Ketua Pegawai Eksekutif, Kotak Sakti Sdn Bhd & Pengasas, RED ANGPOW, dan YBrs. Encik Azlan Awang, Felo Kanan, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) & Penyelidik dan Juru Bicara, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM).</p>

3. LAPORAN PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Laporan Program	<p>Sesi perbincangan tersebut turut disertai oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA iaitu YB Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin dan YBhg. Datuk Dr. Marzuki Mohamad serta Ketua Pegawai Eksekutif MASA, YBrs. Encik Azril Mohd Amin.</p> <p>Sesi anjuran MASA ini memberikan tumpuan kepada perbincangan terhadap langkah penyasaran subsidi bagi memastikan keseimbangan kenaikan harga barang dan kesejahteraan rakyat yang terkesan dapat dikecapi.</p> <p>Menerusi sesi perbincangan tersebut, kerajaan digesa untuk terus memantau dan menilai kesan-kesan sosioekonomi yang timbul bagi memastikan penyasaran subsidi dilaksanakan dengan lebih berhemat agar tidak membebankan rakyat terutamanya yang kurang berkemampuan.</p>
Maklumat Kehadiran	14 orang

4. BIODATA PAKAR BIDANG (I)



YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid

Emeritus Profesor Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid ialah seorang pakar ekonomi. Beliau adalah Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari 2010-2019, dan pernah menjadi ketua Jabatan Ekonomi serta timbalan dekan di Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau telah menerima beberapa anugerah daripada universiti. Beliau telah menerbitkan banyak artikel dalam jurnal ilmiah dan berucap di banyak seminar serta persidangan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau juga menyunting kertas akademik dan polisi serta bertindak sebagai penyiasat utama untuk sejumlah projek penyelidikan semasa berkhidmat di universiti dan MIER. Beliau adalah ahli lembaga editorial jurnal ekonomi ilmiah dan seorang jurulatih dalam bidang ekonomi pembangunan dan polisi. Beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) pada tahun 2019 oleh DYMM Yang DiPertuan Agung. Beliau membantu dalam pembinaan Malaysia Social Accounting Matrix dan Jadual Input-output untuk Selangor dan Terengganu serta Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar. Kini, beliau kerap muncul di media (TV, radio, dan akhbar) untuk mengulas isu-isu ekonomi Malaysia, terutamanya kesan pandemik COVID-19.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (II)



YBhg. Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah

Prof. Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah mendapat pendidikan Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Pengarah Eksekutif Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya merangkap Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia. Pada tahun 2017, Prof. Dato' Dr. Rajah Rasiah telah dinobatkan sebagai Profesor Ulung Negara ke-5. Beliau turut menerima Anugerah Merdeka bagi kategori "Pencapaian Akademik Luar Biasa" pada tahun 2018 dan Anugerah Celso Furtado daripada World Academy of Sciences pada tahun 2014. Beliau giat menghasilkan laporan dan kertas dasar untuk organisasi terkemuka dunia seperti United Nations Conference for Trade and Development, United Nations Industrial Development Organization, World Bank, International Labour Organization, World Intellectual Property Organization, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, United Nations Development Programme, Asian Development Bank dan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (III)



YBrs. Profesor Dr. Gairuzazmi Bin Mat Ghani

Profesor Dr. Gairuzazmi Bin Mat Ghani merupakan seorang profesor di Kampus Gombak, IIUM dan Dekan Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pengajaran dan penyelidikan dalam bidang ekonomi, termasuk metodologi penyelidikan, teori ekonomi, dan ekonomi Islam. Telah menyelia banyak tesis Ph.D dan Master serta terlibat dalam pelbagai projek penyelidikan berkaitan pembangunan ekonomi dan kewangan. Menerima anugerah sebagai Felo di Institut Masa Depan Malaysia pada tahun 2019.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (IV)



YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid

Prof. Dr. Fatimah Kari (PhD) memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Leicester, UK dan Ijazah PhD (Ekonomi) dari MSU, Amerika Syarikat. Beliau sebelum ini merupakan pengarah Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan (CPDS), Universiti Malaya. Beliau telah menerbitkan dan menyampaikan banyak kertas ilmiah dalam bidang subsidi dan sektor pertanian, perubahan iklim dan alam sekitar, indeks kemiskinan, dan adopsi teknologi hijau. Beliau juga telah menjadi konsultan untuk beberapa projek konsultansi yang ditaja oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (KeTSA) dan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada masa kini, beliau merupakan Profesor Kehormat di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya dan selaku Felo MASA.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (V)



YBrs. Dr. Shankaran Nambiar

Berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dari Universiti Sains Malaysia, Dr. Shankaran Nambiar merupakan Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) serta Felo di Institut Masa Depan Malaysia. Selain itu, beliau juga merupakan Felo Pelawat di Crawford School of Public Policy, Australian National University dan Ahli Lembaga Penasihat Akademik Economic Research Institute for ASEAN and East Asia, Jakarta. Beliau telah berkhidmat sebagai perunding untuk pelbagai kementerian di Malaysia dan organisasi antarabangsa di luar negara seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, United Nations Development Programme dan United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific. Selain itu, Dr. Shankaran Nambiar turut menyumbang ke arah penghasilan Third Industrial Master Plan dan Malaysian Consumers' Master Plan serta menerbitkan ulasan secara meluas dan aktif mengenai isu ekonomi dan geo-ekonomi untuk pelbagai berita dan saluran media seperti Nikkei Asian Review dan Jakarta Post. Dr. Shankaran Nambiar juga pernah menjadi sarjana pelawat di International Monetary Fund.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (VI)



YBrs. Dr. Zulkipli Omar

Dr Zulkipli Omar adalah merupakan Felo Penyelidik Kanan di Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari *Southern Illinois University*, Amerika Syarikat. Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di universiti yang sama. Beliau telah dianugerahkan Sijil Peneraju Pertumbuhan Ekonomi daripada *Harvard Kennedy School of Harvard University, Cambridge*. Beliau pernah dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari tahun 2015 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Rektor/Dekan di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Tashkent, Uzbekistan dari tahun 2012 hingga 2014. Dr. Zulkipli kini merupakan Rakan Urusan Perunding Ekonomi Econsult Sdn.Bhd.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (VII)



YBrs. Encik Erhanfadli Azrai

Encik Erhanfadli Azrai merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Kotak Sakti Sdn. Bhd. dan juga pengasas bersama bagi *RED ANGPOW*. Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Bersekutu MASA. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Polisi Ekonomi dari *Williams College*, Amerika Syarikat selepas beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari *Cornell University*, Amerika Syarikat. Sebelum ini, beliau pernah dilantik sebagai Pegawai Khas kepada Menteri di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab dalam projek-projek seperti pembangunan koridor ekonomi, Unit Peneraju Agenda Bumiputera dan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur–Singapura. Beliau juga merupakan mantan Naib Presiden Kanan di MARA Corporation yang bertanggungjawab dalam pengendalian sektor hartanah MARA, mempunyai pengalaman sebagai perunding di Iskandar Associates dan bertanggungjawab menjalankan kajian kebolehlaksanaan pasaran dan pembangunan dalam bidang hartanah serta sebagai mantan Penolong Naib Presiden di Khazanah Nasional Berhad dan bertanggungjawab dalam menilai risiko dan peluang pelaburan di Malaysia dan negara-negara ASEAN.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (VIII)



YBrs. Encik Azlan Awang

Tuan Haji Azlan Awang adalah seorang graduan dari Universiti Teknologi Loughborough, United Kingdom. Beliau memiliki latar belakang yang berpengalaman dalam bidang perniagaan dan merupakan pengasas dan Ketua Eksekutif sebuah syarikat hartanah dan pembinaan yang tersenarai di pasaran saham. Kini, beliau adalah Felo Kanan di Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) serta Penyelidik dan Juru Bicara bagi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM).

5. SENARAI KEHADIRAN

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
2	Profesor Madya Datuk Dr. Marzuki Mohamad	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
3	YB Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
4	YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid	Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya (UM)
5	Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah	Asia-Europe Institute, Universiti Malaya (UM)
6	Profesor Dr. Gairuzazmi Bin Mat Ghani	International Islamic University Malaysia (IIUM)
7	Dr. Khalid Abdul Hamid	Felo Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
8	Dr. Shankaran Nambiar	Felo Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
9	Dr. Zulkipli Omar	Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya (UM)
10	Encik Erhanfadli Mohd Azrai	Kotak Sakti Sdn. Bhd., RED ANGPOW
11	Encik Azlan Awang	Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM).
12	Tuan Azril Mohd Amin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
13	Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
14	Cik Maryam Zulkafly	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (I)



6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (II)



6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (III)



6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (IV)



6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (V)



7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (I)

Institut Masa Depan Malaysia
Published by Fadzi Anif
12 July

Pada 12 Julai 2024, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) telah menganjurkan Sidang Meja Bulat (RTD) bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan mengenai isu rasionalisasi subsidi yang semakin memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

Pengerusi MASA, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin turut meluangkan masa hadir bagi mendengar sendiri pandangan dan analisis daripada pakar bidang berkaitan.

Antara pakar yang hadir pada sesi tersebut adalah ... See more

SIDANG MEJA BULAT
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

Terima Kasih
kepada yang telah hadir dan menjayakan sesi tersebut.

SIDANG MEJA BULAT
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

SIDANG MEJA BULAT
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

SIDANG MEJA BULAT
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

SIDANG MEJA BULAT
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

Terima Kasih
kepada yang telah hadir dan menjayakan sesi tersebut.

@INSTITUTMASA **INSTITUTMASA.COM** **INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA**

institutmasa • Follow

institutmasa Pada 12 Julai 2024, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) telah menganjurkan Sidang Meja Bulat (RTD) bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan mengenai isu rasionalisasi subsidi yang semakin memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

Pengerusi MASA, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin turut meluangkan masa hadir bagi mendengar sendiri pandangan dan analisis daripada pakar bidang berkaitan.

Antara pakar yang hadir pada sesi tersebut adalah :

1. YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya;
2. YBhg. Profesor Ullung Dato' Dr. Rajah Rasiah, Pengerah Eksekutif, Asia-Europe Institute, Universiti Malaya;
3. YBrs. Profesor Dr. Gairuzazmi Mat Ghani, Dekan Kullivvah

3 likes
July 12

Add a comment...

7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (II)

SIDANG MEJA BULAT
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

X Instagram Facebook @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM Q INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

SIDANG MEJA BULAT
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

X Instagram Facebook @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM Q INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (III)

SIDANG MEJA BULAT
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

SIDANG MEJA BULAT
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

X Instagram Facebook @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM Q INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

SIDANG MEJA BULAT
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

SIDANG MEJA BULAT
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA PAKAR EKONOMI

X Instagram Facebook @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM Q INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA



#MAKMURBERSAMA

- INSTITUTMASA.COM
- info@institutmasa.com